

# Penambahbaikan sekolah

## Melalui komuniti pembelajaran profesionalisme (KPP)

MINDA PENDIDIK  
ROSLEE TALIP



Bersama:  
Mohd Yusof Abdullaah, Baharom  
Mohamad, Shukri Zain, Abdul Said  
Ambotang dan Muhamad Suhaimi Taat

UB 14-12-2011 B4

**P**ERUBAHAN dunia pendidikan pada hari ini memerlukan kepemimpinan sekolah yang secara langsung bertanggungjawab dalam memastikan kapasiti guru berada pada tahap yang tinggi. Bagi memastikan tahap ini kekal baik dan berkesan, pemimpin sekolah perlu memainkan peranan penting dalam menentukan guru-gurunya sentiasa belajar dan berani melaksanakan perubahan dalam menentukan murid-murid belajar dengan efisien. Dengan kata lain, proses ini memerlukan penglibatan semua guru secara menyeluruh iaitu bermula daripada ‘bottom-up’.

Walau bagaimanapun, perubahan yang dilaksanakan memerlukan kesediaan guru untuk terus belajar melalui gerak kerja kolaboratif. Model komuniti pembelajaran profesional (KPP) adalah suatu kerangka konsep yang dapat memperlihatkan berlakunya anjakan paradigma di sekolah, di mana budaya guru bekerja secara menyendiri berubah kepada budaya kerja kolaboratif. Sekolah yang bersifat KPP adalah sekolah yang menggalakkan dan mewujudkan nilai-nilai pembelajaran kolaboratif yang mementingkan perbincangan yang dinamik dalam kalangan guru, murid, pengetua, ibu bapa dan komuniti sekolah untuk menambah baik kualiti dan pembelajaran warga sekolah.

Pengetua sekolah sebagai pemimpin sekolah pula berperanan dalam memastikan budaya belajar secara kolaboratif direalisasikan. Pemimpin yang menggalakkan sekolah sebagai sebuah KPP di sekolah telah berjaya menunjukkan sebuah komuniti sekolah yang berkumpul bersama, saling mengambil berat dan sentiasa berdialog antara satu sama lain bagi menyelesaikan permasalahan pembelajaran murid di sekolah. Sekali lagi bagi memastikan perkara ini berlaku pengetua harus menjadi pemimpin sekolah yang berani untuk lebih kreatif dan inovatif dalam menyediakan keperluan pembelajaran di sekolah. Malah, keberanian pengetua mewujudkan sebuah komuniti pembelajaran yang berkualiti dan berkeupayaan tinggi ini juga akan dapat menghasilkan guru-guru sekolah yang berani untuk lebih berinovatif dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Kepimpinan pengetua yang efektif ini akan dapat membentuk satu wadah dan dalam masa yang sama mengekalkan amalan budaya kerja guru dan sekolah yang positif. Pengekalan amalan budaya sekolah ini menunjukkan bahawa kepemimpinan pengetua bukan sahaja bertanggungjawab meningkatkan potensi dan membina keupayaan kepemimpinan staf sekolah, tetapi juga dapat menyediakan persekitaran yang menggalakkan perkembangan profesionalisme

*Model komuniti pembelajaran profesional (KPP) adalah suatu kerangka konsep yang dapat memperlihatkan berlakunya anjakan paradigma di sekolah, di mana budaya guru bekerja secara menyendiri berubah kepada budaya kerja kolaboratif. Sekolah yang bersifat KPP adalah sekolah yang menggalakkan dan mewujudkan nilai-nilai pembelajaran kolaboratif yang mementingkan perbincangan yang dinamik dalam kalangan guru, murid, pengetua, ibu bapa dan komuniti sekolah untuk menambah baik kualiti dan pembelajaran warga sekolah.*

bagi memenuhi keperluan staf itu sendiri khususnya dari segi sumber dan struktur.

Bagi memastikan perkembangan profesionalisme ini berlaku secara berterusan, pengetua harus melaksanakan tugasnya selari dengan strategi pembangunan pendidikan iaitu sentiasa menambah baik sekolah secara berterusan, menjalankan kajian tindakan secara berterusan, mengurus sekolah dengan cekap dan produktif, membangunkan kapasiti manusia dalam kalangan komuniti sekolah dan membangunkan sekolah sebagai organisasi pembelajaran. Strategi ini merupakan perancangan jangka masa panjang bagi memperkemaskarkan pelaksanaan program-program pendidikan yang telah dirancang oleh warga sekolah.

Kelima-lima strategi yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ini mampu membentuk sebuah sekolah yang mempunyai amalan KPP. KPP dalam konteks ini merujuk kepada komuniti sekolah yang bersama berusaha secara profesional melakukan penambahbaikan pembelajaran murid melalui lima dimensi iaitu kepimpinan berkongsi dan menyokong, perkongsian nilai, misi dan visi, kolektif pembelajaran dan aplikasi, keadaan persekitaran yang menyokong dan perkongsian amalan individu. Kelima-lima dimensi ini menuntut setiap ahli komuniti sekolah yang beroperasi sebagai KPP melibatkan diri mereka dalam pembelajaran yang berterusan dan mengamalkannya secara tekal. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan KPP juga secara tidak langsung membuktikan bahawa kuasa ilmu dan kemahiran mampu menjadikan sesebuah komuniti itu sentiasa ‘hidup’ dan ahli-ahlinya sentiasa melakukan perubahan untuk menjadikan sesebuah sekolah itu efektif.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan KPP di peringkat sekolah bukanlah suatu yang diberikan penekanan utama berbanding dengan keperluan dan intensiti sekolah yang lebih cenderung melihat kepada peningkatan dalam pencapaian akademik sekolah. Selain itu, perbezaan keperluan, kemudahan infrastruktur, lokasi sekolah, latar belakang sosioekonomi murid, kualiti guru dalam pengajaran dan pembelajaran dan kepemimpinan pengetua juga menjadi antara alasan mengapa KPP kurang berjaya diimplementasikan di peringkat sekolah. Justeru itu, banyak

pelaksanaan yang dilakukan oleh sekolah lebih kepada mengikut arahan dan hanya memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak KPM. Fenomena ini berlaku kerana sebelum ini sekolah adalah berasaskan model pendidikan tradisional (klasik) yang menggunakan konsep model industri.

Perkembangan dan pembentukan sekolah dalam hal ini lebih berasaskan kilang iaitu sekolah adalah sebuah organisasi yang perlu terbentuk secara berpusat, mempunyai piawaian yang ditetapkan, profesion perguruan yang mengikut hierarki top-down, mementingkan masa dan akauntabiliti yang lebih berpegang kepada sistem. Justeru itu, di Malaysia pendekatan ini sememangnya begitu ketara kerana sistem pendidikan Malaysia adalah berpusat. Oleh yang demikian kebanyakan penambahbaikan sekolah lebih kepada atas arahan pihak berkuasa.

Seharusnya sekolah melakukan penambahbaikan berdasarkan keperluannya. Sekolah harus berpegang kepada prinsip bahawa setiap murid boleh belajar dan berpotensi. Namun memandangkan kaedah pengajaran guru lebih tertumpu kepada kaedah ‘one size fits all’ kepada semua tahap dan aras kemahiran murid maka usaha penambahbaikan sering tergendala. Walhal, guru perlu mahir dalam pelbagai strategi pengajaran agar dapat disesuaikan dengan kebolehan, keupayaan dan kecerdasan murid. Bagi membolehkan guru bertindak sedemikian, pembelajaran profesional adalah merupakan cara yang terbaik meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru.

Cabarannya bagi guru-guru sekolah hari ini adalah untuk memastikan pembangunan modal insan dilaksanakan secara holistik daripada segi pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran intelektual, pemupukan sikap yang berasaskan nilai etika dan moral yang tinggi. Justeru itu, institusi sekolah pada masa kini mempunyai tanggungjawab yang tinggi terhadap pencapaian matlamat pendidikan negara terutamanya kepimpinan sekolah. Pengetua sebagai pemimpin sekolah mampu membangunkan kapasiti setiap guru di sekolah menerusi proses pembelajaran guru ketika dalam perkhidmatan. Proses pembelajaran ini berlaku melalui penglibatan guru-guru secara kolektif dalam melaksanakan program-program

penambahbaikan sekolah.

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab sekolah iaitu pengetua untuk mengembangkan barisan kepimpinan kedua sekolah dan guru-guru membangunkan sekolah sebagai KPP. Ini adalah kerana model penambahbaikan sekolah hari ini adalah bermula daripada sebuah komuniti yang belajar dan hanya komuniti yang mempunyai keinginan untuk belajar akan dapat mempertahankan pengaruhnya.

Kajian-kajian tentang keberkesanan KPP telah mengenal pasti beberapa amalan pengetua di sekolah iaitu bermula dengan pembentukan bersama visi dan misi sekolah yang seiring dengan tiga prinsip utama iaitu polisi sekolah, program yang ingin dilaksanakan dan amalan setiap ahli komuniti yang bekerjasama untuk menjadikan sekolah cemerlang.

Berdasarkan kajian, pengetua sekolah-sekolah yang mengamalkan KPP telah memainkan peranan penting dalam menentukan budaya belajar berlaku walaupun KPP ini pada peringkat awalnya agak sukar diwujudkan. Kajian-kajian juga mendapat bahawa pengetua yang berjaya menjadikan sekolah mereka sebagai KPP adalah terdiri daripada pemimpin sekolah yang berani untuk melakukan perubahan dan mempunyai personaliti yang tersendiri dalam memimpin warga sekolah mereka. Keunikan pemimpin ini adalah disebabkan mereka berjaya membentuk budaya kerja positif dengan meningkatkan pembelajaran guru-guru melalui ruang masa untuk guru belajar, mengambil pendekatan yang holistik dalam mengatasi masalah, percaya guru boleh berubah dan mengubah persekitaran, menggalakkan komunikasi terbuka, percaya terhadap pasukan kerja, menjadi pemimpin yang mudah didekati dan memberi kepentingan kepada stakeholders dengan lebih berfokus kepada manusia daripada sistem.

Gelombang perubahan pendidikan dunia hari ini menuntut dan mencabar pengetua dan barisan kepemimpinan sekolah membangunkan kapasiti diri guru melalui pelbagai kaedah dan pendekatan. Kepelbagaiannya pendekatan pengetua ini telah mengekalkan budaya pembelajaran dalam kalangan guru pada tahap yang tinggi kerana program yang dilaksanakan di sekolah lebih bertumpu kepada keperluan guru dan murid itu sendiri. Fenomena ini memberikan impak positif terhadap kerjaya guru dan seterusnya pembelajaran murid. Pengekalan budaya ini juga akan mampu mengembangkan amalan dan prosedur budaya belajar yang menjadi rutin kepada semua pendidik dalam konteks peningkatan profesionalisme keguruan.

\* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah